

DARI MEJA KSU



Y.Bhg Dato' Mohd Mokhtar Ismail

Pada mesyuarat MSC Malaysia *Internal Advisory Panel (IAP)* yang ke-11 yang telah diadakan pada 17 Mei 2008, Kerajaan telah melahirkan kebimbangan mengenai peningkatan harga makanan dan bekalan makanan yang mencukupi di Malaysia. Di samping itu, kerajaan juga prihatin terhadap meningkatkan pendapatan di kalangan petani, penternak dan nelayan.

Kerajaan telah mengambil langkah untuk menggabungkan semua program utama agensi-agensi MoA untuk diintegrasikan dan diselaraskan dengan mewujudkan projek Agriculture Flagship. MoA telah dilantik sebagai agensi peneraju pelaksana projek untuk mencapai visi menjadikan sektor agro-makanan mampan dan berdaya saing untuk memastikan jaminan bekalan makanan negara dan meningkatkan pendapatan usahawan tani melalui penggunaan ICT dan inovasi.

Projek Agriculture Flagship yang kini pada fasa pembangunan *blueprint*, akan menjadi platform untuk membentuk usahawan tani yang lebih berpengetahuan, terlatih dan mempunyai akses kepada perkhidmatan MoA melalui pelbagai saluran penyampaian perkhidmatan. Projek ini juga mampu meningkatkan keberkesanan proses kerja di kalangan warga MoA untuk memajukan sektor agro-makanan yang juga merupakan penyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan sosio ekonomi negara.

Sokongan padu serta kerjasama daripada warga MoA adalah diperlukan untuk memastikan kejayaan projek ini. Komunikasi yang berterusan seperti melalui Berita *Agriculture Flagship* adalah penting untuk memastikan maklumat terkini mengenai projek dapat dikongsi bersama warga MoA.

Adalah menjadi harapan saya agar warga MoA mengambil peluang ini untuk memahami dan menyokong usaha transformasi ini bagi memastikan kejayaan Projek *Agriculture Flagship*.

Menarik di dalam isu ini

- Dari Meja KSU
- Berani berubah! Tiga perubahan yang anda perlu tahu
- Pendaftaran peserta di Semporna berjaya!

Fakta!

Tahukah anda bahawa telefon bimbit dan komputer adalah antara alat komunikasi paling popular di kalangan pengusaha pertanian di Malaysia?

| | |
|----------------------|-------|
| Telefon bimbit | 97.3% |
| Komputer | 54.0% |
| PDA | 5.6% |
| Laman pautan sendiri | 1.6% |

Sumber:
Level of Agro-based Website Surfing Among Malaysian Agricultural Entrepreneurs: A Case of Malaysia, SHAFFRIL et al/J. Agric. Soc. Sci., Vol. 5, No. 3, 2009

Sidang Redaksi

Ketua Editor - Khairul Esyani Puasa
Konsultan - Nik Ahmad Fakrul
Konsultan - Zetty Julia Bt. Muhd. Ghawas
Konsultan - Rosfazlina Bt. Ahmad Fathi
Pereka Grafik- Abdul Hadi Abdul Razak

Berani berubah! Tiga perubahan yang anda perlu tahu

Oleh Nik Fakrul

Change Management merupakan satu kaedah bersepadu dalam menangani impak perubahan kepada individu dan organisasi ke arah satu matlamat yang diinginkan dan ia biasanya berlaku akibat perubahan polisi, tatakkerja, proses dan sistem ICT.

Kerjasama anda di dalam menjayakan aktiviti-aktiviti *Change Management* memainkan peranan penting di dalam projek Agriculture Flagship ini bagi memastikan proses transformasi yang lancar terutamanya apabila projek ini "go-live" kelak. Terdapat beberapa elemen perubahan yang akan berlaku dengan terlaksananya projek ini dari sudut teknologi, proses dan impak kepada pengguna itu sendiri.

1) Teknologi

Agro Intelligence System (AIS) adalah sistem yang akan terhasil daripada projek ini. Dengan pelbagai fungsi dan kepenggunaan yang lebih besar di pelbagai agensi dan kumpulan sasaran di dalam MOA, AIS mampu menyepadu, meningkat, menyelaraskan, membina dan melaksana semua inisiatif yang diperkasakan oleh inovasi bisnes dan teknologi di dalam menyokong usaha transformasi

2) Proses

Projek ini akan memberikan impak kepada proses kerja sedia ada. Prosedur proses yang lengkap perlu mengambil kira aspek sedia ada operasi, prosedur dan polisi.

3) Pengguna

Aspek pengguna merupakan aspek terpenting dalam proses perubahan ini kerana tanpa pengguna sistem, perubahan proses dan teknologi tidak akan berlaku. Aspek ini bukan sekadar memberi fokus terhadap pengguna yang bakal menggunakan sistem, tetapi juga organisasi dan perkhidmatan sokongan yang berkait dengan pengguna. Elemen perubahan seperti kesedaran, struktur, latihan praktikal, perubahan budaya kerja, Perubahan dalam *Jobs Terms of Reference (JTOR)* dan latihan penggunaan adalah penting diambil kira di dalam proses transformasi pengguna.

Anda tahu anda komited apabila....

- ✓ Memahami projek dan faedah yang boleh diperolehi
- ✓ Bersedia untuk menyesuaikan diri di dalam persekitaran baru apabila Agriculture Flagship mula dilaksanakan
- ✓ Memberikan sokongan sepenuhnya dalam menjayakan projek ini
- ✓ Menggalakkan rakan-rakan sekerja supaya sama-sama menjayakan projek ini

Aktiviti Change Management

Berikut ialah aktiviti *Change Management* yang telah dilaksanakan pada bulan Jun dan Julai.

Antaranya;

- Sesi Penerangan - Sesi penerangan dan perbincangan bersama agensi-agensi telah dilaksanakan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat MOA mengenai projek ini.
- Penubuhan Pasukan *Change Management MoA* - Penubuhan pasukan ini adalah untuk memastikan terdapat kesinambungan di dalam proses transformasi secara berkesan. Calon-calon yang akan dilantik adalah terdiri daripada kalangan warga MoA sendiri.
- Perlantikan *Change Agents* - *Change Agents* telah dilantik di setiap agensi MoA bagi memberi sokongan kepada pasukan CM MoA. *Change Agents* ini antara lain berfungsi membantu menyebarkan maklumat mengenai pencapaian dan perubahan yang berlaku di dalam projek Agriculture Flagship kepada agensi masing-masing.
- *Change Readiness Survey 1* – Kajian ini dilaksanakan pada bulan April 2010 untuk memahami tahap keselesaan dan kefahaman warga MoA dan agensi mengenai projek di samping memberi peluang untuk memberikan maklumbalas terhadap projek ini.

Quick-Win (QW)

Oleh Meor M. Fadzil

QW telah memulakan fasa kedua program ini dengan mengadakan pertemuan dengan 4 QW yang terakhir iaitu:

- TRUST, Jengka, Pahang
- IAT, Pontian, Johor
- SEAWEEP, Semporna, Sabah
- EBN, Mukah, Sarawak

Satu sesi pendaftaran telah berlangsung di IADA pada 2 Jun 2010. TRUST telah memulakan siri ujian bersama dengan peserta di Jengka pada 3 Jun 2010. Pada 17 Jun 2010, pasukan QW telah mendaftarkan 13 peserta di IAT. Sementara itu, 84 peserta telah di daftarkan di SEAWEEP sempena sesi pendaftaran dari 21 hingga 22 Jun 2010.

Pasukan QW juga telah melawat EBN pada 8 Julai dan antara lain lawatan ini bertujuan memberikan kesedaran terhadap projek ini serta mengumpulkan maklumat yang berguna dalam melicinkan aktiviti QW EBN kelak.

Sementara itu, kerja-kerja pembangunan sistem prototalp Quick Win (QWPS) telah bermula pada 1 Julai 2010.

Perkembangan Blueprint

Oleh Rozita Mat Aris

Sesi pembentangan telah dibuat diantara pasukan projek dan kepada jawatankuasa Pasukan projek untuk mendapatkan maklum balas. Dokumen blueprint ini memperincikan pelan tindakan bagi melaksanakan projek AgF untuk mencapai dua objektif utama projek iaitu untuk memastikan jaminan bekalan makanan dan meningkatkan pendapatan usahawan tani.

Dokumen blueprint ini telah mengenalpasti bahawa projek Agriculture Flagship akan menyokong usaha untuk meningkatkan perkongsian maklumat dan menggalakkan lebih banyak kerjasama untuk menyokong para petani di dalam meningkatkan pengeluaran dan menambah pendapatan mereka. Beberapa sasaran utama telah ditetapkan seperti berikut:

Isu Utama

Menjadikan maklumat pertanian mudah diperolehi

Meningkatkan sinergi di antara agensi-agensi

Menukar persepsi terhadap bidang pertanian

Sasaran

- Menyatukan maklumat di dalam MoA dan agensi/kementerian berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pertanian

- Menyelaras dan mengautomasi proses-proses utama dan inisiatif-inisiatif

- Menggalakkan kerjasama di pelbagai peringkat untuk memaksimumkan perkongsian pengetahuan dan produktiviti antara agensi

- Melengkapkan para petani dengan informasi dan pengetahuan selain daripada sistem sokongan yang lebih baik serta inisiatif-inisiatif yang dapat meningkatkan kualiti hidup.



Quick Win Program

Kami di sini

Diari Projek - Aktiviti Penting dari Mei hingga Julai

| Aktiviti | Tarikh |
|---|-----------|
| Lawatan ke lokasi IAT, Johor | 24 April |
| Lawatan ke lokasi, SEAWEEP, Semporna | 5 Mei |
| Pendaftaran peserta di IAT, Johor | 17 Jun |
| Pendaftaran peserta di SEAWEEP, Semporna | 21-22 Jun |
| Lawatan ke lokasi, EBN, Mukah | 8 Julai |
| Mesyuarat Project Implementation Team (PIT) | 9 Julai |



Pendaftaran peserta di Semporna berjaya!

Pada 5 Mei 2010, pasukan QW telah mengadakan satu lawatan susulan ke lokasi SEAWEED di Semporna, Sabah. Pasukan AgF telah mengadakan sesi penerangan kepada DoF Semporna mengenai projek AgF dan kemudian melawat ladang rumput laut di Kg Look Butun bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai aktiviti ini sambil mengumpul maklumat mengenai kumpulan sasaran. Satu lawatan susulan di adakan pada 21-22 Jun 2010 bagi mendaftarkan para peserta bertempat di Dewan Terbuka Kg. Look Butun dan 84 peserta berjaya di daftarkan. Sesi pendaftaran itu berjalan lancar dan para peserta memberikan kerjasama yang baik terhadap sesi ini.



DoF Semporna bersama pasukan projek



Hari Pendaftaran



Sangkar Seaweed*

Fakta!

Selain daripada menjadi bahan makanan, rumput laut juga digunakan untuk kosmetik, baja, ubat-ubatan dan bahan asas industri seperti bahan kimia dan gas metana.

EBN (Edible Bird Nest), Mukah

Pasukan projek dan DVS, Mukah telah mengadakan mesyuarat pertama di lokasi EBN pada 8 Julai 2010. Tujuan utama mesyuarat ini adalah bagi memulakan perbincangan mengenai strategi pendaftaran bagi 350 peserta di Mukah. Siri ujian juga dilaksanakan bagi mendaftar beberapa peserta di EBN, Mukah.

IAT (Industri Asas Tani), Pekan Nanas, Johor

Pada 24 April 2010, Pasukan projek telah ke MPIB bagi melawat tapak lokasi IAT di Pekan Nanas, Johor. Tn Hj Ibrahim, Pengarah Direktorat Pelaksanaan HIP serta kakitangan MOA bersama pasukan projek telah melawat ke kilang-kilang pemprosesan nanas bagi memahami dengan lebih lanjut mengenai industri nanas.

KADA, Kelantan

Satu taklimat mengenai projek AgF telah dilaksanakan di Kelantan bagi kakitangan pengurusan KADA pada 11 Julai 2010. Pasukan CM telah memberi penerangan tentang objektif, latarbelakang dan faedah projek kepada warga KADA. Selain dari itu, pasukan CM meminta kerjasama daripada pihak Pengurusan KADA menyebarkan maklumat untuk memastikan maklumat projek disampaikan kepada warge KADA. Pasukan CM juga telah melawat sebuah kilang IAT dibawah naungan KADA dan melihat sendiri aktiviti pembuatan serunding dan sos.

Pertanyaan/ Komen

Sila hantarkan segala pertanyaan dan komen anda mengenai projek dan Berita Agriculture Flagship ke:

Nama: En. Nik Ahmad Fakrul bin Nik Mohamad

Telefon: 03-8870 1766

Email : agf.cm@msctc.com.my

Alamat : Bilik Urusetia Agriculture Flagship, Ketua Komunikasi Korporat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Aras 1 Wisma Tani Lot 4G 1 No.28 Persiaran Perdana, Presint 4 62624 Putrajaya.